

TR: 2:1:65

## UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI MELALUI RADIO TELEVISYEN MALAYSIA PADA 30 JANUARI, 1965

1 haribulan Syawal 1384, Hari Raya Aidilfitri, ialah satu hari yang sangat mulia dan bahagia bagi semua umat Islam di seluruh dunia. Pada hari ini kita orang-orang Islam semua merayakan hari kebesaran Islam ini dengan meriahnya. Inilah hari kemenangan dan kebahagiaan bagi mereka yang telah menang dalam ujian iman dengan berpuasa sepenuhnya, 30 hari genap.

Bagi kita umat Islam di Malaysia ini adalah tahun yang kedua kita behari raya setelah negara kita wujud dan masuk kedua tahun negara kita berada dalam keadaan cemas hingga diisytiharkan darurat tidak lama dahulu akibat konfrantasi dan pencerobohan Indonesia terhadap ibu pertiwi kita. Walaupun negara kita berada dalam keadaan seperti ini, kita bersyukur kepada Tuhan Rabul-alamin kerana negara kita masih teguh, berada dalam kemakmuran, rakyatnya hidup aman dan senang. Kerana itulah maka umat Islam dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan besar-besaran dan begitu jugalah orang-orang Cina menyambut Tahun Baharu mereka yang jatuh sama harinya dengan Hari Raya kita dengan penuh gembira. Persamaan jatuh hari besar kedua-dua kaum yang terbesar di Malaysia ini pada tahun kedua berturut-turut menandakan satu alamat yang baik bagi negara kita ini. Ia menandakan masa hadapan negara cemerlang jika perpaduan dan kerjasama orang-orang Melayu dan Cina boleh diperkuatkan lagi dan segala usaha boleh dibuat bersama, menjadi satu perintis pembentukan satu bangsa dan satu bahasa.

Saya sangat sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam di Malaysia dan merata-rata dunia, khususnya kepada Ahli-ahli UMNO, penyokong-penyokong UMNO dan Perikatan. Marilah kita umat Islam bersama-sama merayakan hari besar Islam ini, bekerja bersama-sama bagi kepentingan dan kesejahteraan ibu pertiwi, ugama dan bangsa dan marilah kita bersama-sama kita berdoa kepada Tuhan yang amat pemurah lagi pengasih atas rahmatNya dan limpah kemurahanNya melindungi kita dari segala bahaya sepanjang bulan puasa, kerana menetapkan iman kita semua dan juga mengawasi negara dan hak-hak asasi kita dari musuh-musuh kita.

Negara kita masih lagi dicerobohi oleh Indonesia dengan desakan Parti Komunis Indonesia yang mendapat sokongan dari China Komunis.

Dr. Subandrio, Merited Luar Indonesia pada masa ini masih berada di negara China Komunis kerana mendapatkan bantuan-bantuan senjata dalam usaha Indonesia hendak mengganyang kita. Nyatalah bahawa perbuatan Indonesia adalah disokong oleh China Komunis. Oleh kerana perkembangan-perkembangan baharu ini, saya menyeru supaya umat Islam pada hari yang mulia ini membaharui tekad dan azam kita untuk menentang habis-habisan pencerobohan Indonesia dan Komunis ke atas kebebasan dan kemerdekaan kita.

Bagi pihak Malaysia kita telah mencari segala iklitiar dan usaha untuk menyelesaikan sengketa kita dengan Indonesia, tetapi semuanya telah gagal kerana Indonesia tidak mahu bekerjasama dalam mencari penyelesaian. Kita sentiasa bersedia hendak berunding dengan Indonesia. Kita hendak berkawan dengan semua negara-negara jiran apa lagi pula dengan Indonesia. Tetapi Indonesia tidak mahu bersahabat dengan kita, Indonesia hendak ganyang kita. Kalau mereka gagal mengganyang kita, sekurang-kurangnya mereka mahu menakluki kita. Kedua-dua ini telah gagal dan akan terus menerus gagal. Kita sedar Indonesia tidak mampu hendak mengganyang Malaysia bersendirian. Saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin Indonesia khasnya mereka yang beragama Islam supaya, mengambil kesempatan hari yang mulia ini untuk berbaik-baik dan selesaikan sengketa Malaysia Indonesia. Saya berdoa kepada Tuhan supaya Ia membuka hati pemimpin-pemimpin Indonesia khasnya mereka yang beragama Islam supaya, mengambil kesempatan hari yang mulia ini untuk berbaik-baik dan selesaikan sengketa Malaysia Indonesia. Saya berdoa kepada Tuhan supaya Ia membuka hati pemimpin-pemimpin Indonesia pada hari yang besar ini supaya timbul dalam hati mereka hasrat untuk berdamai dan duduk berbaik-baik dengan Malaysia.

Kita bersedia bila-bila pun untuk berunding tetapi sebarang penyelesaian hendaklah menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan maruah negara kita. Adalah sangat senang bagi Indonesia kalau ia jujur hendak berdamai dengan kita kerana kunci keamanan berada dalam tangan Soekarno dan Indonesia. Keamanan akan pulih semula dan perhubungan akan kembali baik jika Indonesia memberhentikan pencerobohan terhadap kita dan menarik balik tentera-tenteranya yang banyak dikumpulkan di tepi sempadan itu. Kita sedia hendak berunding untuk memulihkan balik perhubungan baik di antara kedua negara ini jika Indonesia dapat menunjukkan yang mereka sebenar-benarnya berkehendakkan damai.

Saya sangat sukacita kerana semua rakyat sedar bahawa kita tidak bermusuhan dengan rakyat Indonesia yang kebanyakannya beragama Islam. Kepada mereka bagi pihak kita semua, kita mengucapkan Selamat Hari Raya dan kita bersama berdoa supaya mereka dapat

sekadar mana yang boleh merayakan hari yang mulia ini. Kita hanya bermusuh dengan pemimpin-pemimpin Indonesia yang hendak mengganyang kita dan yang dipengaruhi oleh komunis.

Baharu-baharu ini kita dengar ura-ura ada dua tiga negara-negara yang suka hendak memberi jasa baiknya untuk menyelesaikan pergaduhan di antara Indonesia dengan Malaysia ini. Cita-cita dan tujuan-tujuan yang baik ini kita sambut baik. Kita sedia hendak berbaik dengan Indonesia asalkan Indonesia sedia hendak menghormati keaulatan dan maruah negara kita. Keamanan boleh dapat dicapai kalau Indonesia benar-benar jujur dan ikhlas berkehendakkan perdamaian. Kita sedikit pun tidak bersalah dalam hal ini. Indonesia telah membuat konfrantasi terhadap kita dan menceroboh negara kita. Kalau konfrantasi dan pencerobohan ini diberhentikan keamanan akan tercapai.

Tahun Hijrah 1383, tahun yang lalu, adalah tahun yang penuh dengan segala cabaran dan tahun yang bersejarah. Malaysia tahu pada tahun itu segala cabaran-cabaran kita telah dapat mengatasinya. Rakyat dalam negara kita hidup aman damai walaupun saban hari mereka dihasut untuk berkelahi antara satu dengan lain oleh ejen-ejen musuh. Pada hari yang mulia ini, saya menyeru semua umat Islam supaya sentiasa mengingati pelajaran ugama Islam dan nasihat junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang sentiasa menyuruh umat Islam berbaik-baik di antara satu dengan lain.

Mustahak kita menjaga keamanan negara kita ini. Negara kita ada penduduk-penduduk daripada berbagai bangsa dan sangat penting bagi rakyat negeri ini memelihara perhubungan baik dan perasaan saling mengerti di antara satu dengan lain. Hanyalah dengan ini akan terjamin keselamatan dan kebahagiaan bangsa dan negara kita.

Kerajaan Perikatan telah mengambil beberapa langkah-langkah yang patut untuk membaiki keadaan hidup rakyat dan membawa kemudahan-kemudahan yang dikehendaki. Kerajaan akan meneruskan rancangan ini. Bagi penduduk-penduduk di bandar-bandar rancangan-rancangan sedang disediakan untuk membina rumah-rumah dengan besar-besaran supaya tiap-tiap orang yang berkehendakkan rumah dapat diberi rumah. Begitu juga kerajaan sedang mengaturkan jentera pentadbiran dan rancangan-rancangan untuk membaiki iktisad penduduk-penduduk di luar bandar. Kerajaan berazam hendak mengambil langkah-langkah yang tegas di dalam lapangan ini supaya hasrat dan kehendak rakyat itu dapat disempurnakan.

Selepas Hari Raya, dalam usaha mencari penyelesaian antara kita dengan Indonesia dan untuk menentukan kehadiran kita di Persidangan

Afro-Asia di Algeria pada tahun ini, saya akan melawat negara-negara di Afrika Timur untuk menegakkan kebenaran Malaysia di sana dan mencari kawan. Setelah saya kembali ke Malaysia kelak saya berharap pada bulan Mac, 1965 Kerajaan Pusat akan memanggil satu Kongres untuk membincangkan kedudukan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu di seluruh Malaysia.

Saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan ucapan ribuan terima kasih bagi diri saya dan Kerajaan kepada semua umat Islam yang telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan dan pihak Tentera dan pasukan Keselamatan dalam usaha kita mempertahankan negara dari pencerobohan Indonesia dan saya tujukan ucapan ribuan terima kasih saya yang istimewa sekali kepada semua ahli-ahli Pasukan Angkatan Bersenjata kita yang telah menjalankan kewajipan masing-masing dengan taat, dengan tabah dan berani itu. Saya menyeru mereka supaya mereka terus menerus menjalankan kewajipan yang cemerlang ini dan terus menerus mendapat kejayaan di dalam segala-galanya. Sekali lagi saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam di Malaysia dan di seluruh dunia.

**Merdeka dan Berjaya Malaysia!**